

# UPM tubuh Fakulti Pengajian Alam Sekitar

SERDANG 9 Dis. — Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar satu lagi sejarah apabila menubuhkan Fakulti Pengajian Alam Sekitar yang pertama di negara ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh berkata, fakulti tersebut yang ditubuhkan pada 1 September lalu menawarkan program pengajian Bachelor Sains (Alam Sekitar), Master Alam Sekitar serta Master Sains dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains alam sekitar dan pengurusan alam sekitar.

Menurut beliau, fakulti tersebut selain berperanan melahirkan pakar dalam bidang sains dan alam sekitar ia juga bertanggungjawab membantu kerajaan menggubal serta melaksanakan dasar-dasar berkaitan.

"UPM diberi tanggungjawab dalam penubuhan fakulti ini kerana kerajaan yakin dengan sumbangannya selama ini," katanya ketika berucap merasmikan Fakulti dan Pelancaran Pelan Strategi Fakulti Alam Sekitar, UPM di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr. Zainul Ariff Hussin; Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Zohadie Bardaie dan Dekan fakulti itu, Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin.

Shafie berkata, untuk mencapai aspirasi tersebut bukan tugas mudah ia memerlukan komitmen pihak pengurusan, pensyarah, pegawai mahupun kakitangan sokongan universiti bagi memikul amanah dalam mendidik mahasiswa.

Sementara itu Mad Nasir ketika berucap pada majlis itu berkata, program pengajian tersebut mempunyai beberapa keunikan kerana alam sekitar itu sendiri boleh dilihat dan dianalisis dari pelbagai dimensi yang memerlukan kepakaran berbilang disiplin.

Oleh itu, kata Mad Nasir, program itu menawarkan pelbagai pengkhususan antaranya bidang sains alam sekitar termasuk kualiti alam sekitar dan pemuliharaan, pencemaran alam sekitar.